

0542

U B391 AAB  
MAHATHIR - FIJI

KUALA LUMPUR, 21 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MALAYSIA AKAN MENGHULURKAN APA JUA NASIHAT DAN BANTUAN KEPADA FIJI DALAM USAHA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH NEGARA ITU.

PERDANA MENTERI, BAGAIMANAPUN, BERKATA MALAYSIA BELUM MEMBUAT PENDIRIAN SAMA ADA MENGIKTIRAF REPUBLIK ITU KERANA PERGOLAKAN DI SANA BELUM BERAKHIR.

BELIAU BERKATA FIJI MEMANG MEMERLUKAN BANTUAN KERANA IA MENGHADAPI BANYAK MASALAH APABILA ADA NEGARA-NEGARA DENGAN TANPA BERFIKIR PANJANG, MENGENAKAN SEKATAN MAKANAN DAN BANTUAN KEPADANYA.

+SEKIRANYA FIJI TIDAK MENDAPAT BANTUAN, MAKA KEADAAN DI NEGARA ITU KEMUNGKINAN AKAN MENJADI LEBIH BURUK,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DI SINI PETANG INI SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI VANCOUVER.

APA JUA BANTUAN DAN NASIHAT YANG DIBERIKAN KEPADA FIJI ADALAH ATAS DASAR PERI KEMANUSIAAN KERANA MALAYSIA ATAS DASAR YANG SAMA AKAN MENOLONG MANA-MANA JUA NEGARA YANG PERLU DIBANTU, KATA BELIAU.

-- LAGI

1840MST 21 10 87

U B392 AAB  
MAHATHIR - FIJI 2 KUALA LUMPUR

FIJI TERKELUAR SECARA AUTOMATIK DARIPADA MENJADI ANGGOTA KOMANWEL APABILA NEGARA KEPULAUAN PASIFIK SELATAN ITU DIISYTHIHARKAN SEBAGAI REPUBLIK OLEH PEMIMPIN TENTERA NEGARA ITU, KOL SITIVENI RABUKA, SELEPAS RAMPASAN KUASA YANG KEDUA BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASYARAKAT ANTARABANGSA HENDAKLAH MENUNGGU DAHULU KESUDAHAN PERGOLAKAN DI NEGARA TERSEBUT SEBELUM MENGAMBIL SESUATU TINDAKAN.

BELIAU KECEWA KERANA ADA PIHAK YANG MEMBANDINGKAN KERAJAAN KOL RABUKA DENGAN REGIM APARTHEID AFRIKA SELATAN PADA PERSIDANGAN ITU.

+SAYA TELAH BERUSAHA MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN FIJI DALAM KOMANWEL KERANA KEADAAN DI NEGARA ITU BELUM LAGI STATIK TETAPI NAMPAKNYA ADA PIHAK YANG SUKA MELIHAT FIJI TERKELUAR DARIPADA PERTUBUHAN ITU,+ KATA BELIAU.

BELIAU KHUATIR APABILA FIJI TELAH BERSEDIA UNTUK MENGANGGOTAI SEMULA KOMANWEL, NEGARA ITU MUNGKIN TIDAK AKAN DITERIMA KERANA MENGIKUT AMALANNYA PERMOHONAN SESEBUAH NEGARA ITU TIDAK DITERIMA TANPA SOKONGAN SEMUA ANGGOTA.

-- LAGI

1903MST 21 10 87

U B398 AAB  
MAHATHIR - FIJI 3 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK MENYOKONG SESEBUAH KERAJAAN YANG SUDAH BETUL-BETUL  
INSTITUTIONALISED RACISM,+ KATA BELIAU.

BAGAIMANAPUN, KEADAAN POLITIK DI FIJI MASIH BERGOLAK DAN NEGARA  
ITU MUNGKIN MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN YANG TIDAK BERBENTUK  
PERKAUMAN, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI HASIL KEHADIRANNYA DI PERSIDANGAN ITU, DATUK SERI DR  
MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPENDAPAT IA AMAT BERGUNA KERANA SEMPAT  
BERTEMU DENGAN PARA PEMIMPIN BEBERAPA BUAH NEGARA SECARA RASMI DAN  
TIDAK RASMI.

BELIAU JUGA BERPENDAPAT PERSIDANGAN ITU MENCAPAI BANYAK  
PERSETUJUAN DALAM BANYAK BIDANG.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN KESAL DENGAN CORAK LIPUTAN  
SESETENGAH AKHBAR, TERUTAMANYA DI BRITAIN YANG MEMBUAT LAPORAN YANG  
TIDAK BERAPA TEPAT MENGENAI PERSIDANGAN ITU.

BELIAU MEMBERI CONTOH ISU AFRIKA SELATAN DI MANA MEREKA  
MELAPORKAN BRITAIN MENDAPAT KEMENANGAN BESAR DALAM USAHANYA  
MEMBANTAH SEKATAN EKONOMI TERHADAP KERAJAAN APARTHEID ITU SEDANGKAN  
SEBENARNYA 48 NEGARA SETUJU DENGAN SEKATAN DAN BRITAIN SAHAJA YANG  
TIDAK SETUJU. -- BERNAMA

1918MST 21 10 87